

09 JUL 1997

Najib-Tamadun

PENGAJIAN TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA DI IPTA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Pengajian Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang sedia ada akan turut meliputi pengajian tamadun-tamadun Asia mulai tahun depan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak berkata kabinet telah membuat keputusan mengenai perkara itu pada mesyuarat mingguannya hari ini.

Beliau berkata kursus baru yang dinamakan Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun-Tamadun Asia itu akan diwajibkan kepada semua pelajar dan wajib lulus.

Katanya, pengajian tamadun Islam mula diperkenalkan di IPTA pada tahun 1983 atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan kursus itu bertujuan memperkenalkan Islam sebagai sebuah tamadun unggul kepada pelajar tanpa mengira kaum dan agama.

"Walaupun tamadun Islam telah lama diperkenalkan tetapi dari segi pelaksanaannya, banyak kelainan antara satu universiti dengan universiti lain sama ada dari segi nama kursus atau modelnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementerian di sini.

Beliau berkata kursus baru itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar IPTA supaya faham tentang Tamadun Islam dan beberapa tamadun lain seperti tamadun Melayu, China, India dan Jepun.

Najib berkata ia juga bertujuan mewujudkan sikap keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tamadun sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman mengumumkan bahawa kursus Tamadun Islam akan dijadikan subjek wajib kepada semua penuntut di IPT.

Keputusan itu dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam dan Badan Perunding Islam yang dipengerusikan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan pengumuman itu, sesetengah pihak mempertikaikan langkah mewajibkan kursus Tamadun Islam ke atas semua pelajar IPT itu.

Najib berkata ketika ini ada empat model pelaksanaan kursus Tamadun Islam di IPTA iaitu ada IPTA yang mewajibkan kursus Tamadun Islam kepada semua pelajar dan wajib lulus dan ada pula yang mewajibkan kursus itu diambil oleh semua pelajar tetapi hanya pelajar Islam sahaja yang wajib lulus.

Ada juga IPTA yang menjadikan kursus itu sebagai elektif dan wajib lulus dan ada yang menjadikannya sebagai elektif yang tidak wajib lulus, katanya.

Beliau berkata perincian mengenai kursus baru itu akan diputuskan oleh jawatankuasa Naib-Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam/ITM termasuk dari segi masa kredit, komponen kursus dan latihan pensyarah.

Najib berkata komponen utama kursus itu akan mengandungi tiga aspek penting selari dengan keputusan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Badan Perundingan Islam iaitu kenegaraan, Tamadun Islam dan tamadun-tamadun Asia yang utama.

Katanya, paksi dan tumpuan kepada kursus itu ialah Malaysia sebagai sebuah negara yang agama rasminya Islam dengan mengambil kira faktor-faktor masyarakat berbilang kaum dan agama.

"Kursus itu akan dikendalikan secara ilmiah oleh ahli-ahli akademik yang menjurus kepada aspek pendedahan dan wacana, bukan indoktrinasi dan juga bukan dogmatik. Oleh itu tidak ada pihak yang harus khuatir atau

curiga dengan langkah kerajaan ini," katanya.

Ketika menjawab satu soalan Najib berkata; "Saya fikir rakyat akan matang daripada segi hubungan antara satu sama lain dan lebih bersedia untuk memainkan peranan sebagai pelaku utama di rantau ini.

"Kalau kita nak Malaysia sebagai negara maju di rantau Asia, sudah tentu kita kena lengkapkan rakyat kita dengan tamadun di Asia dan membolehkan mereka berurusan dengan negara lain," katanya.

Najib juga berkata bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), semua pelajarinya diwajibkan mengambil kursus Pegajian Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan wajib lulus kecuali bagi pelajar luar negara yang tidak wajib lulus.

Katanya, kerajaan meloggarkan syarat kepada pelajar asing itu bagi menarik minat mereka belajar di negara ini.

"Kita mesti bersikap fleksibel kalau nak ajak mereka ke sini... sekurang-kurangnya bila mereka balik nanti mereka dah ada pengetahuan mengenai bahasa, budaya dan perlembagaan kita," katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO